

## BAB 4

### ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Segala data yang dianalisis dalam bab ini adalah untuk menjawab soalan-soalan kajian yang telah dikemukakan. Analisis dibuat secara deskriptif dan ini termasuklah menggunakan kaedah analisis tematik. Soalan-soalan dalam temubual dipolakan kepada empat bahagian dan akan dihuraikan segala dapatan yang merujuk kepada maklumbalas dan penerangan enam orang guru yang dipilih sebagai sampel kajian.

#### 4.2 Analisis Data

Penganalisaan data akan dibuat secara merujuk kepada soalan-soalan kajian yang telah ditetapkan. Huraian dapatan kajian adalah berdasarkan kepada respon oleh sampel kajian terhadap soalan-soalan temubual yang diajukan. Analisis temubual akan ditekankan seperti berikut;

- i. Pengetahuan dan kefahaman guru Pendidikan Seni tentang format penyediaan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar.
- ii. Cara guru Pendidikan Seni mendokumentasikan sesuatu yang akan diajar.

- iii. Manfaat Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar kepada guru-guru Pendidikan Seni.
- iv. Kepentingan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar dalam menentukan mutu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni.

Huraian seterusnya akan dibuat secara merujuk kepada tema-tema yang telah dinyatakan. Setiap tema pula akan merujuk kepada soalan kajian dan soalan-soalan temubual yang telah dibentuk.

#### **4.2.1 Pengetahuan dan Kefahaman Guru Pendidikan Seni tentang format penyediaan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar.**

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian 1 yang berbunyi "Sejauhmanakah pengetahuan dan kefahaman guru Pendidikan Seni tentang format penyediaan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar?"

Bagi menjawab soalan kajian 1 seperti yang dinyatakan, beberapa soalan temubual telah dibentuk untuk mendapatkan maklumbalas atau penjelasan daripada sampel kajian. Soalan-soalan temubual tersebut diperturunkan seperti berikut;

- i. Adakah cikgu menulis Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni mengikut format yang standard?

- ii. Apakah sumber yang cikgu rujuk dan dari mana cikgu memperolchinya?
- iii. Pernahkah cikgu mengikuti sebarang kursus yang menyentuh tentang penulisan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni?

Hasilan yang diperolehi berdasarkan temubual berkenaan kedudukan guru dalam menulis Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar secara mengikut format yang standard, maklumbalas daripada sampel 1, sampel 2, sampel 3 dan sampel 4 menyatakan bahawa mereka menulis dokumen tersebut mengikut format yang standard seperti yang ditetapkan. Manakala sampel kelima pula menyatakan bahawa beliau tidak pasti dan diikuti dengan sampel keenam juga menyatakan sedemikian serta menyatakan puncanya adalah kerana beliau tidak pernah mendapat pendedahan atau garis panduan tentang format sebenar untuk menulis dokumen Rancangan Persediaan Mengajar. Kenyataan sampel 6 ini berbunyi "Saya tidak pasti kerana tidak pernah ada garis panduan mengajar Pendidikan Seni mengikut format yang standard yang saya perolehi."

Analisis data menunjukkan bahawa majoriti sampel menulis Dokumen Rancangan Persediaan mengajar dengan format yang standard. Empat sampel menyatakan dengan jelas keadaan demikian manakala dua sampel lagi tidak pasti. Namun apabila dirujuk penulisan kedua sampel ini kepada format sebenar ternyata penulisannya adalah mengikut spesifikasi yang standard.

Dapatan yang diperolhi berdasarkan temubual tentang sumber yang menjadi rujukan guru serta punca mereka mendapatkannya pula, maklumbalas daripada sampel 1 dan sampel 6 menyatakan bahawa mereka membuat rujukan kepada Buku Panduan Guru dan Rancangan Pelajaran Tahunan Peringkat Daerah yang diperolhi daripada Ketua Panitia Pendidikan Seni. Sampel 2 menyatakan bahawa dia hanya merujuk kepada Buku Panduan Guru yang diperolhi daripada guru Pendidikan Seni terdahulu sebelumnya. Manakala sampel 3 menyatakan bahawa dia merujuk kepada dokumen Rancangan Persediaan Mengajar tahun terdahulu yang disediakan oleh guru Pendidikan Seni sebelumnya. Seterusnya sampel 4 dan sampel 5, masing-masing menyatakan bahawa mereka hanya merujuk kepada Rancangan Tahunan yang disediakan oleh panitia peringkat daerah.

Sudutan petikan kenyataan sampel 1 berbunyi "Saya membuat rujukan pada buku panduan guru dan rancangan pelajaran tahunan peringkat daerah Raub yang saya perolhi daripada ketua panitia." Sudutan petikan kenyataan sampel 3 mula berbunyi "saya hanya merujuk kepada mutu persediaan mengajar tahun terdahulu yang saya perolhi daripada guru pendidikan seni sebelum saya. Saya hanya ikut saja apa yang cikgu dulu tu buat."

Merujuk kepada respon daripada sampel kajian, analisis data menunjukkan bahawa kesemua sampel mempunyai rujukan tertentu sebagai panduan untuk menulis *Dokumen Persediaan Mengajar* bagi mata pelajaran Pendidikan Seni. Rujukan tersebut ialah Buku Panduan Guru, Rancangan Pelajaran Tahunan Panitia Pendidikan Seni Daerah Raub dan Buku Persediaan Mengajar guru terdahulu. Bahan-

bahan rujukan ini diperolehi daripada Ketua Panitia Pendidikan Seni dan juga daripada guru Pendidikan Seni Terdahulu.

Dalam temubual berkenaan kedudukan guru dalam mengikuti sebarang kursus yang menyentuh tentang penulisan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni, hasilan yang diperolehi ialah sampel 1 dan sampel 2 menyatakan bahawa mereka pernah mengikuti kursus yang menyentuh tentang penulisan dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni. Manakala sampel 3, sampel 4, sampel 5 dan sampel 6 mula menyatakan bahawa mereka tidak pernah mengikuti kursus yang sedemikian rupa.

Berhubung keadaan tersebut analisis data menunjukkan bahawa hanya dua sampel yang pernah mengikuti kursus yang ada menyentuh berkenaan kaedah penulisan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar bagi mata pelajaran Pendidikan Seni. Manakala empat sampel lagi tidak pernah mengikuti sebarang kursus yang bersifat sedemikian.

#### 4.2.2 Cara guru Pendidikan Seni mendokumenkan sesuatu yang akan diajar

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian 2 yang berbunyi "Sejauhmanakah guru Pendidikan Seni mendokumenkan perihak sesuatu yang akan mereka ajar?" Bagi menjawab soalan kajian ini, beberapa soalan temubual telah dibentuk untuk mendapatkan

maklumat dan atau penjelasan daripada sampel kajian. Soalan-soalan temubual tersebut adalah seperti berikut:

- i. Bilakah biasanya cikgu menulis Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Harian untuk Pendidikan Seni?
- ii. Apakah elemen-elemen penting yang menentukan dan mempengaruhi cara penulisan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni cikgu?
- iii. Sejauhmanakah Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni cikgu mengambilkira pencapaian pelajar yang telah cikgu ajar?
- iv. Apakah masalah-masalah yang cikgu hadapi ketika ingin menulis Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni?
- v. Apakah dokumen-dokumen lain yang cikgu ada untuk rekod pengajaran Pendidikan Seni cikgu selama ini selain daripada Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar?
- vi. Adakah pernah berlaku kepada cikgu Buku Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni hanya menjadi buku catatan atau diari. Kalau benar, kenapa keadaan ini berlaku?

Hasil yang diperolehi berdasarkan temubual mengenai kebiasaan waktu guru Pendidikan Seni menulis Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar didapati dengan maklumbalas daripada sampel 1 dan 5 menyatakan bahawa mereka menulis dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Harian Pendidikan Seni pada hari Jumaat iaitu hari terakhir persekolahan minggu sebelumnya. Sampel 2 pula menyatakan bahawa dia tidak tentu masanya untuk menulis dokumen berkenaan. Sampel 3 pula menyatakan bahawa dia menulis dokumen berkenaan sebelum sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran akan dilangsungkan. Manakala sampel 4 memaklumkan bahawa dia menulis dokumen Rancangan Persediaan Mengajar sebelum sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran bermula namun ada kalanya dia menulis dokumen tersebut hanya selepas mengajar apabila terlalu sibuk dengan kerja-kerja lain. Keadaan yang hampir sama juga bagi sampel 6 yang memaklumkan bahawa dia biasa menulis dokumen berkenaan pada hari jumaat minggu sebelumnya tetapi kadang kala ketika sangat sibuk berlaklu juga penulisan dibuat selepas mengajar.

Petikan kenyataan sampel 4 yang berbunyi "Biasanya saya menulis dokumen Rancangan Persediaan Mengajar sebelum sesuatu pengajaran dijalankan tapi kadang-kadang saya tulis selepas mengajar sebab terlalu sibuk"

Analisis data menunjukkan bahawa kesemua sampel kajian menulis Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar bagi mata pelajaran Pendidikan Seni sebelum sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran bermula sama ada pada hari terakhir persekolahan minggu sebelumnya, sehari sebelumnya atau pada hari yang sama. Namun ada ketikanya

seperti pada waktu yang sangat sibuk mereka akan menulis dokumen berkenaan hanya selepas melaksanakan sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan kepada soalan temubual berkenaan elemen-elemen penting yang menentukan dan mempengaruhi cara penulisan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni guru, responnya menunjukkan bahawa kesemua sampel memberikan penjelasan yang berbeza pada keseluruhannya. Namun demikian ada juga sesetengah elemen yang mereka sama-sama memilihnya sebagai suatu yang penting menentukan cara penulisan Rancangan Persediaan Mengajar mereka. Sampel 1 menyatakan bahawa elemen-elemen penting yang menentukan dan mempengaruhi cara penulisan Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni ialah Tajuk Pelajaran, Kemudahan menyediakan bahan dan tumpuan kepada soalan-soalan dalam peperiksaan awam seperti dalam kertas soalan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sampel 2 pula menyatakan bahawa Objektif dan Aktiviti menjadi elemen penentu dalam menulis Rancangan Persediaan Mengajar. Manakala sampel 3 menyatakan dia memilih Sukatan Pelajaran dan Kescesuaian pelajaran terhadap kemampuan kesemua pelajar di dalam kelas sebagai elemen faktor yang dititikberatkan semasa menulis Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni. Sampel 4 pula menggandingkan Tajuk Pelajaran dengan Kescesuaian pelajaran dengan tahap kemampuan kesemua murid di dalam kelas sebagai penentu. Tajuk pelajaran, Objektif dan Hasil kerja pelajar pula menjadi penentu bagi sampel 5 dalam persiapannya untuk menulis Rancangan Persediaan Mengajarnya. Manakala akhir sekali sampel 6 menyatakan bahawa Tajuk Pelajaran, Objektif, Aktiviti



dan hasil kerja pelajar merupakan elemen penting yang menjadi tumpuannya membina dokumen Rancangan Persediaan Mengajar.

Petikan penjelasan yang diluahkan oleh sampel 1 adalah berbunyi “Saya akan mengutamakan penulisan tajuk pelajaran. Kemudian saya akan memastikan adakah ia menyusahkan saya dari segi penyediaan bahan. Atau adalah apabila saya suruh pelajar bawa, mereka akan bawa dengan mudah. Sebenarnya yang lebih utama saya beri tumpuan ialah kepada kehendak kehendak bagi peperiksaan awam seperti soalan-soalan dalam format Pendidikan Seni Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)”. Kenyataan daripada sampel 3 pula berbunyi “Saya ikut saja apa yang ada dalam silibus. Lepas tu saya tengoklah kesesuaiannya dengan kemampuan kesemua pelajar di dalam kelas tu.”

Merujuk kepada respon daripada sampel kajian, analisis data menunjukkan bahawa elemen penting yang menjadi pilihan mereka ialah tajuk pelajaran, objektif pembelajaran, hasil kerja pelajar, aktiviti pembelajaran, kemudahan menyediakan bahan, tumpuan kepada soalan-soalan dalam peperiksaan umum dan kesesuaiannya dengan tahap kemampuan semua pelajar dalam kelas berkenaan.

Hasil yang diperolehi berdasarkan temubual berkenaan kedudukan guru dalam menulis Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni secara mengambilkira pencapaian pelajar yang telah diajar, sampel 1 dan sampel 2 memperjelaskan bahawa pencapaian pelajar yang telah diajar sebelum ini tidak diambilkira langsung untuk tujuan menulis dokumen Rancangan Persediaan Mengajar

Pendidikan Seni. Dipejelaskan lagi bahawa mereka hanya mengikut segala yang telah ditetapkan dalam Rancangan Tahunan yang digunakan bersama bagi seluruh panitia Pendidikan Seni daerah Raub. Sampel 3 pula menyatakan bahawa pencapaian pelajar berkenaan diambilkira sebagai penentu untuk penyediaan Rancangan Pelajaran seterusnya. Menurut sampel 3 ini, pencapaian diukur berdasarkan pemahaman pelajar dalam menghasilkan sesuatu hasil kerja atau karya yang telah ditetapkan. Bagi Sampel 4 pula dinyatakan bahawa pencapaian pelajar kurang diambilkira dengan alasan bahawa keutamaan adalah diberikan kepada kemudahan penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran. Manakala sampel 5 dan sampel 6 sama-sama menyatakan bahawa mereka tidak pasti tentang keadaan tersebut dan disertakan alasan bahawa mereka tidak tahu cara pengukuran sebenar dalam Pendidikan Seni kerana mereka tiada pendidikan asas tentang mata pelajaran tersebut.

Petikan kenyataan oleh sampel 3 berbunyi "Memang pencapaian pelajar diambilkira bagi menentukan sesuatu pelajaran seterusnya. Biasanya pencapaian pelajar diukur atau ditentukan berdasarkan kepada pemahaman pelajar dalam menghasilkan sesuatu karya atau apa apa kerja yang disuruh kepada mereka." Manakala petikan kenyataan sampel 4 berhubung dengan petika ini pula berbunyi "Boleh dikatakan kurang mengambilkira pencapaian pelajar. Sebabnya, saya rasa kemudahan untuk menyediakan bahan perlu lebih ditamakan."

Berhubung kepada respon sampel kajian tersebut, analisis data menunjukkan bahawa dua sampel tidak mengambilkira langsung pencapaian pelajar yang telah diajar

dalam menentukan penulisan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar bagi mata pelajaran Pendidikan Seni. Manakala dua sampel pula tidak pasti berbuat begitu kerana tidak mempunyai pengetahuan tentang penilaian sebenar dalam Pendidikan Seni. Seorang sampel pula ada menjuk kepada pencapaian pelajar yang diajarnya tetapi dalam keadaan yang jarang-jarang berlaku manakala seorang sahaja sampel yang menjadikan pencapaian pelajar sebagai penentu kepada penulisan Dokumen Rancangan Persediaan mengajar Pendidikan Seninya.

Berdasarkan kepada soalan temubual berkenaan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru ketika ingin menulis Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni, hasilnya sampel 1 menyatakan bahawa masalah yang dihadapinya ketika ingin menulis Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar ialah dalam soal untuk menentukan tajuk pelajaran Pendidikan Seni yang membolehkan guru memberikan banyak idea kepada pelajar bagi menyuburkan kreativiti di kalangan mereka. Sampel 2 pula menyatakan bahawa kekurangan kelengkapan yang dapat disediakan oleh pihak sekolah menjadi pengongkong dan mendatangkan masalah baginya semasa ingin menulis dokumen Rancangan Persediaan Mengajar bagi sesuatu sesi pengajaran. Sebagai contohnya ketiadaan bilik Pendidikan Seni yang khas mengakibatkan banyak peralatan-peralatan penting tidak dapat juga disediakan. Sampel 3 dan sampel 4 pula menyatakan bahawa masalah yang mereka hadapi adalah berkaitan usaha untuk menyesuaikan sesuatu tajuk pelajaran dengan yang menarik minat serta perhatian para pelajar. Bagi sampel 4 lagi, dinyatakan bahawa dia mempunyai satu lagi masalah iaitu untuk mencari kesesuaian tajuk pelajaran dengan kemampuan keseluruhan pelajar dalam kelas tertentu. Manakala

bagi sampel 5 dan sampel 6, dinyatakan bahawa masalah utama mereka ketika ingin menulis Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar ialah mereka tidak berapa pasti tentang apakah yang hendak diajar kerana mereka tiada pengalaman dan pendedahan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni. Mereka memberikan alasan bahawa mereka buka dari bidang Pendidikan Seni dan mendakwa bahawa mata pelajaran ini memerlukan seorang guru yang mempunyai skil tertentu seperti pandai melukis dan mengetahui selok belok melukis. Sampel 6 menambah lagi bahawa masalahnya juga adalah kerana tiada sebarang rujukan untuk membantu beliau dalam menulis Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni.

Petikan kenyataan sampel 5 adalah berbunyi “Sebelum ini saya tidak pernah mengajar Pendidikan Seni. Inilah tahun pertama saya mengajar Pendidikan Seni. Masalah saya yang utama ialah saya tak berapa pasti apa yang hendak diajar, lebih-lebih lagi pengetahuan dan pengalaman saya dalam bidang Pendidikan Seni bolch dikatakan hampir tak ada langsung.” Manakala petikan kenyataan sampel 6 pula berbunyi “ Yang paling memeningkan saya ialah memikirkan apa yang nak diajar kepada bebudak ni? Malamlah saya bukannya opsyen Pendidikan Seni, kalau orang seni tu tentu dia dah masak apa nak buat. Subjek ni bukan bolch main cerita aje, kena juga tunjuk cara pada murid bagaimana nak buat. Lagi pun saya bukannya ada apa-apa rujukan nak tahu macam mana nak tulis Rancangan Persediaan mengajar ni.”

Analisis data menunjukkan bahawa sampel kajian mempunyai masalah yang berbeza-beza ketika ingin menulis Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar bagi mata

pelajaran Pendidikan Seni. Masalah-masalah tersebut ialah penentuan tajuk yang membolehkan guru meluahkan banyak idea untuk penghasilan karya dan melahirkan kreativiti di kalangan pelajar, ketiadaan bilik khas dan peralatan, penyesuaian tajuk dengan yang menarik minat pelajar, tidak berapa pasti perkara yang akan diajar kerana kekurangan pengetahuan dan pengalaman serta tiada rujukan yang boleh dibuat sebagai persediaan.

Hasilan yang diprolchi berdasarkan temubual berkenaan dokumen-dokumen lain yang dipunyai oleh guru sebagai rekod pengajaran Pendidikan Seni mereka selama ini selain daripada Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar, sampel 1 menjelaskan bahawa dokumen-dokumen lain yang dimilikinya sebagai rekod pengajaran Pendidikan Seni selain daripada Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar ialah Folio Hasil Kerja Murid, Fail Bank Soalan dan Fail Markah yang berperanan sebagai menentukan target pencapaian pelajar serta dua fail induk yang dikenali sebagai Folio A dan Folio B. Sampel 2 pula menyatakan bahawa selain daripada Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar, dia juga mempunyai Folio Koleksi Kerja-Kerja Pelajar yang terbaik untuk dijadikan contoh dan rujukan. Sampel 2 juga mendakwa bahawa beliau juga mempunyai Fail himpunan soalan-soalan peperiksaan bagi subjek Pendidikan Seni. Manakala Sampel 3, sampel 4, sampel 5 dan sampel 6 kesemuanya menyatakan bahawa mereka tidak ada dokumen lain selain daripada Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar bagi Mata pelajaran Pendidikan Seni yang diperbincangkan.

Petikan jawapan sampel 1 sebagai respon kepada soalan temubual yang diajukan berbunyi “Saya mempunyai dua folio induk yang dikenali sebagai Folio A dan Folio B. Folio A lebih berperanan sebagai memuatkan dokumen-dokumen seperti Sukatan Pelajaran, Rancangan Tahunan Pelajaran, Sebut harga barangan dan sebagainya. Folio B tu pulak untuk dokumen yang ada rancangan terperinci seperti program-program yang akan dijalankan oleh seseorang guru berkaitan pelajaran yang diajarnya, Strategi pembelajaran, minit-minit mesyuarat panitia dan sebagainya. Selain itu saya juga mempunyai fail rekod pencapaian pelajar kelas saya dan fail himpunan soalan-soalan peperiksaan yang lepas-lepas.” Manakala petikan kenyataan sampel 2 pula berbunyi “Dokumen-dokumen lain yang saya ada ialah folio hasil kerja pelajar yang terpilih dan saya jadikan sebagai bahan untuk rujukan dan contoh kepada pelajar. Saya juga menyimpan fail markah sebagai memudahkan saya untuk menentukan target tertentu bagi pencapaian pelajar-pelajar saya.”

Merujuk kepada respon daripada sampel kajian, analisis data menunjukkan bahawa empat sampel tidak mempunyai sebarang dokumen lain sebagai rekod pengajaran dan pembelajaran mereka bagi mata pelajaran Pendidikan Seni selain daripada Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar. Hanya dua sampel sahaja yang mempunyai dokumen lain iaitu folio hasil kerja pelajar, fail bank soalan dan fail markah untuk menentukan target pencapaian.

Merujuk kepada temubual berkenaan kemungkinan pernah berlaku kepada guru suatu keadaan iaitu Buku Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni hanya

menjadi buku catatan atau diari dan jika keadaannya sedemikian apakah penyebabnya, hasilnya didapati sampel 1, sampel 2 dan sampel 4 menyatakan bahawa mereka pernah menjadikan Buku Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni untuk mencatat mengenai perkara-perkara yang telah diajar. Dengan certikata yang lebih mudah mereka menulis bukan dalam konteks membuat perancangan tetapi hanya setakat merekodkan apa yang telah berlalu ke dalam Buku Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni. Ketiga-tiga sampel sependapat menyatakan bahawa keadaan sebegini kadang-kadang berlaku berpunca daripada faktor kesuntukan masa kerana guru terlampau sibuk menyiapkan kerja-kerja lain di sekolah. Sampel 1 juga mempunyai satu alasan lagi iaitu ia menyatakan bahawa faktor pengalaman yang lama dalam bidang tugas mengajar Pendidikan Seni juga menjadi penyebab kepada dia hanya menjadikan Buku Rancangan Persediaan Mengajar sebagai buku rekod atau diari. Menurutny lagi oleh kerana sesuatu pengajaran dan pembelajaran itu mengulang-ulang hal yang sama setiap tahun, maka beliau telah menghafal keseluruhan perkara yang perlu dibuat bagi sesuatu tajuk meliputi kaedah pengajaran, objektif, aktiviti pembelajaran, hasil kerja pelajar, peralatan dan sebagainya. Sampel 3 juga menyatakan pendapat yang sama sebagai punca kenapa beliau kadang-kadang menjadikan Buku Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar hanya sebagai buku rekod atau diari sahaja.

Sampel 5 pula menyatakan bahawa sudah menjadi kebiasaan bagi beliau menggunakan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni hanya sebagai buku catatan atau diari. Sampel 5 menyatakan beliau mengajar mengikut gerak hati dan semuanya sudah terancang dalam memorinya. Manakala sampel 6 pula menyatakan

bahawa beliau selalu menjadikan Buku Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni sedemikian rupa kerana sememangnya Dokumen ini tidak pernah menjadi rujukan baginya.

Petikan kenyataan oleh sampel 1 dalam temubual bagi menjawab soalan berkaitan hal tersebut berbunyi "Kadang-kadang berlaku juga sebab ada ketikanya saya terlalu sibuk dengan tugas-tugas lain macam nak selesaikan masalah disiplin pelajar, buat analisis, aktiviti keceriaan sekolah dan sebagainya. Lagi pun sebenarnya bagi saya, saya dah faham benar apa yang nak diajar sebab setiap tahun saya mengajar benda yang sama, tentulah saya dah hafal." Petikan kenyataan jawapan kepada soalan temubual oleh sampel 5 pula berbunyi "Bukan setakat pernah aje, selalu sangat saya buat begitu. Ala...benda-benda nak ajar ni dah masak dalam kepala kita, buat apa nak susah-susah peningkan kepala nak rancang lagi. Ajar aje la."

Berhubung kepada respon sampel kajian tersebut, analisis data menunjukkan bahawa kesemua sampel pernah menjadikan Buku Dokumen Persediaan Rancangan Mengajar bagi mata pelajaran Pendidikan Seni sebagai *laku catibae* atau diari sahaja. Masalah ini timbul kerana kesibukan kerja yang terpaksa mereka tanggung yang menyebabkan kesuntukan masa. Masalah ini juga berlaku akibat daripada guru merasakan diri mereka telah mahir dengan sesuatu pengajaran dan pembelajaran sehinggakan mereka telah menghafal turutannya. Namun ada seorang sampel yang hanya menjadikan Buku Dokumen Rancangan Persediaan mengajar sebagai diari semata-mata



dengan alasan bahawa dia tidak menjadikan Buku Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar tersebut sebagai suatu rujukan.

#### **4.2.3 Manfaat Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar kepada guru-guru Pendidikan Seni**

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian 3 yang berbunyi “Sejauhmanakah guru Pendidikan Seni memanfaatkan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar?” Bagi menjawab soalan kajian ini beberapa soalan temubual telah dibentuk untuk mendapatkan maklumbalas atau penjelasan daripada sampel kajian. Soalan-soalan temubual tersebut adalah seperti berikut;

- i. Adakah cikgu benar-benar mengikuti atau merujuk kepada Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar sebelum memulakan sesuatu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni?
- ii. Jika cikgu pernah merujuk kepada Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni, apakah perkara-perkara yang dirujuk tersebut?
- iii. Jika cikgu pernah menjalankan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni tanpa merujuk kepada Dokumen Rancangan Persediaan mengajar,

sebenarnya apakah panduan yang digunakan sehingga cikgu boleh terus mengajar?

- iv. Adakah cikgu merasakan bahawa penulisan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni suatu yang membebankan. Jika benar mengapa cikgu berperasaan sedemikian?

Hasil yang diperolchi berdasarkan temubual berkenaan kedudukan guru sama ada mereka benar-benar mengikut atau merujuk kepada Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar sebelum memulakan sesuatu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni, didapati responnya sampel 1 menyatakan bahawa dia memang mengikut dan merujuk sepenuhnya kepada Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar yang ditulis sebelum memulakan sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni. Sampel 2, sampel 3, sampel 4 dan sampel 5 pula menyatakan bahawa mereka berbuat begitu hanya kadang-kadang sahaja. Manakala sampel 6 pula menyatakan bahawa beliau langsung tidak pernah mengikut dan merujuk kepada Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar sebelum memulakan pengajaran.

Analisis data menunjukkan bahawa satu sampel sahaja yang sampel mengikut atau merujuk kepada Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar sebelum memulakan sesuatu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Seni. Manakala empat sampel pula kadang-kadang sahaja berbuat demikian dan satu sampel lagi langsung tidak

pernah merujuk atau mengikuti Dokumen Rancangan Persediaan mengajar Pendidikan Seni sebelum memulakan sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran.

Merujuk kepada soalan temubual berkenaan perkara-perkara yang dirujuk guru sekiranya mereka merujuk kepada Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar sebelum memulakan sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran, hasilnya Sampel 1, sampel 2, sampel 3, sampel 4 dan sampel 5 menyatakan bahawa perkara utama atau yang mula-mula sekali dirujuk adalah Tajuk Pelajaran. Selain daripada tajuk pelajaran sampel-sampel ini juga menggandingkannya dengan satu perkara lain yang turut dirujuk. Bagi sampel 1 dan sampel 4 selain daripada tajuk pelajaran, aktiviti pelajar juga dirujuk sama. Sampel 2 pula menggandingkan rujukan kepada tajuk pelajaran dengan rujukan kepada objektif pengajaran dan pembelajaran. Manakala bagi sampel 4 pula, rujukan keduanya selain daripada tajuk pelajaran ialah Isi Kandungan dan ia merangkumi aspek kemahiran-kemahiran yang akan dibentuk kepada pelajar. Hanya sampel 6 sahaja yang menyatakan bahawa beliau tidak pernah membuat sebarang rujukan langsung.

Petikan kenyataan jawapan daripada sampel 2 terhadap soalan temubual berkenaan berbunyi "Mula-mula sekali saya akan pastikan apakah tajuk pelajaran pada hari itu. Kemudian saya akan tengok objektif pengajaran dan pembelajarannya." Manakala petikan kenyataan jawapan oleh sampel 4 pula berbunyi "Perkara-perkara yang biasanya saya rujuk ialah tajuk pelajaran yang akan diajar dan saya juga akan melihat isi kandungan pelajaran itu terutama berkenaan kemahiran apa sebenarnya yang saya nak bentuk kepada pelajar-pelajar saya."

Analisis data menunjukkan bahawa lima daripada enam sampel kajian merujuk kepada tajuk pelajaran dalam Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar sebelum memulakan sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Seni. Perkara-perkara lain yang juga dirujuk adalah objektif pembelajaran, aktiviti pelajar dan isi kandungan serta kemahiran yang perlu diterapkan kepada pelajar. Namun begitu terdapat juga satu sampel yang tidak pernah merujuk langsung kepada Dokumen Rancangan persediaan mengajar sebelum memulakan sesuatu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni.

Hasil yang diperolchi berdasarkan temubual mengenai panduan sebenar yang digunakan oleh guru untuk terus mengajar sedangkan dia tidak merujuk kepada Dokumen Rancangan Persediaan mengajar ialah sampel 1, sampel 2, sampel 3 dan sampel 4 menyatakan bahawa panduan yang membolchkan mereka terus mengajar Pendidikan Seni tanpa merujuk kepada Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar ialah kerana pengalaman terdahulu yang telah diperolchi akibat kekerapan mengulangi perkara yang sama setiap tahun. Segala elemen dalam sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni itu seolah-olah telah dihafal. Bagi sampel 5 pula didapati dinyatakan bahawa apabila dia tidak merujuk kepada Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar, dia akan merujuk terus kepada Buku Panduan Guru untuk melihat apakah aktiviti yang perlu dijalankan. Sampel ini juga menyatakan bahawa dia mendapat idea untuk tajuk pelajaran melalui tajuk yang telah diajar oleh rakan-rakan guru yang lain. Manakata sampel 6 menyatakan bahawa beliau hanya bertanya terus kepada rakan guru lain yang turut mengajar Pendidikan Seni. Perkara yang ditanya ialah mengenai tajuk pelajaran yang

telah diajar oleh guru berkenaan dan meminta contoh-contoh karya terbaik pelajar. Apabila di dalam kelas beliau terus memaparkan karya-karya terbaik tersebut dan terus sahaja mengarahkan pelajar melukis mengikut tajuk yang telah ditetapkan.

Petikan jawapan daripada sampel 5 sebagai respon kepada soalan temubual berbunyi "Bagi saya, saya merujuk terus kepada Buku Panduan Guru. Saya lihat apakah aktiviti yang boleh saya jalankan berdasarkan sesuatu tajuk yang saya terfikir masa tu. Kadang-kadang saya terlintas tentang sesuatu tajuk tu bila tengok apa yang kawan lain ajar." Petikan jawapan sampel 6 pula berbunyi "Bagi saya ini agak mudah. Saya tanya sahaja guru lain yang mengajar Pendidikan Seni pada level tingkatan yang sama dan saya cuba dapatkan contoh karya pelajar yang terbaik daripadanya. Bila masuk kelas, saya kemukakan tajuk pelajaran untuk hari itu dan saya paparkan saja beberapa hasil karya pelajar yang baik tadi sebagai contoh. Biasanya rakan-rakan guru yang sememangnya dah lama mengajar Pendidikan Seni, mereka ada menyimpan koleksi-koleksi karya-karya yang baik ini. Kemudian saya terus arahkan pelajar mula buat kerja mereka."

Merujuk kepada respon daripada sampel kajian, analisis data menunjukkan bahawa pengalaman terdahulu yang membawa kepada penghafalan tajuk-tajuk dan kaedah pengajaran menjadi penyebab kepada empat sampel pernah tidak merujuk kepada Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar sebelum memulakan sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran. Manakala seorang sampel merujuk kepada sumber lain iaitu melihat cadangan-cadangan aktiviti dalam Buku Panduan Guru bagi mata pelajaran Pendidikan Seni keluaran Kementerian Pendidikan. Seorang lagi sampel yang tidak pernah membuat

apa-apa rujukan terus saja mengarahkan para pelajar melukis apabila memasuki kelas Pendidikan Seni.

Berdasarkan soalan temubual yang ingin mencungkil kedudukan penulisan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar dari segi bebanannya dan punca guru merasakan sedemikian, sebagai respon sampel 1 menyatakan bahawa penulisan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni memang membebankan. Sampel 1 menyatakan alasannya iaitu baginya catatan mengikut format yang telah ditetapkan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) terlalu detil. Sampel 2 juga menyatakan bahawa penulisan dokumen tersebut membebankan. Ini katanya kerana penulisannya terlalu terikat kepada format tertentu. Begitu juga dengan sampel 4 yang berpendapat bahawa penulisan dokumen tersebut membebankan dan alasannya ialah tidak ada sebarang penghargaan pun diberikan untuk kerja-kerja penulisan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar ini. Sampel 4 juga memberi alasan bahawa seseorang guru yang sudah berpengalaman biasanya sudah tidak memerlukan lagi catatan-catatan perancangan sedemikian rupa. Bagi sampel 5, beliau juga sependapat menyatakan bahawa penulisan itu juga sebagai suatu yang membebankan. Alasan yang diberikan beliau ialah Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar tersebut bukanlah penentu kepada keberkesanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran. Sampel 6 juga masih beranggapan yang sama iaitu penulisan berkenaan sebagai suatu yang membebankan cuma alasannya agak mudah iaitu ia berpunca daripada beliau tidak mengetahui cara sebenar untuk menulisnya. Berbeza dengan sampel-sampel lain, hanya sampel 3 sahaja

yang menyatakan bahawa penulisan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar sebagai suatu yang tidak membebankan.

Petikan kenyataan daripada sampel 5 berhubung jawapan kepada soalan temubual yang dikemukakan berbunyi “Memang, bagi saya ia suatu yang sangat membebankan. Kalau ditinjau secara halus dan terperinci dokumen ini bukanlah sebagai penentu mukiamad bagi keberkesanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran tu. Banyak lagi faktor yang lebih penting seperti kesungguhan guru, kreativiti guru dan macam-macam lagi.” Manakala petikan kenyataan oleh sampel 1 pula berbunyi “Bagi saya ia sangat membebankan. Saya dah mengajar lebih kurang 15 tahun dan saya dah lalui dua sistem iaitu satu yang lama KISM dan yang baru KBSM. Masa kurikulum lama dulu mudah aje sebab kita hanya tulis kelas, mata pelajaran dan tajuk yang hendak diajar. Tapi sekarang ni dalam KBSM macam-macam nak kena tulis. Hai lengguh jugalah tangan kita. Tambah pulak kadang-kadang bila sibuk tak sedar sampai hari jumaat masa nak hantar dokumen ni untuk diperiksa oleh pentadbir rupa-rupanya dari hari Isnin lagi kita kena buat.”

Berhubung kepada respon sampel kajian tersebut, analisis data menunjukkan bahawa kesemua respon mempunyai alasan yang berbeza mengenai dakwaan mereka bahawa penulisan Dokumen Rancangan Persediaan mengajar Pendidikan Seni dirasakan sebagai suatu yang membebankan. Alasan-alasan mereka adalah catatan dokumen mengikut kehendak Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) adalah terlalu detil, terlalu terikat dengan format tertentu, tiada penghargaan untuk penulisan dokumen berkenaan, dokumen bukan sebagai penentu keberkesanan pengajaran dan pembelajaran

serta kurang pengetahuan tentang cara sebenar penulisannya. Namun begitu terdapat juga satu sampel yang merasakan bahawa penulisan dokumen tersebut bukan satu bebanan kerana baginya ia banyak membantu ketika memulakan sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran.

#### **4.2.4 Kepentingan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar dalam menentukan mutu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni.**

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian 4 yang berbunyi “Sejauhmanakah Kepentingan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar dapat menentukan mutu sesuatu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Seni?”

Bagi menjawab soalan kajian 4 tersebut beberapa soalan temubual telah dibentuk untuk mendapatkan maklumbalas atau penjelasan daripada sampel kajian. Soalan-soalan temubual tersebut adalah seperti berikut,

- i. Adakah cikgu merasakan bahawa Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni banyak membantu cikgu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Jika benar, bagaimanakah dokumen itu berperanan?



- ii. Pada pendapat cikgu adakah Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni ini mesti diteruskan sebagai suatu kewajipan bagi semua guru. Apakah komen cikgu mengenai hal ini?
- iii. Sila berikan cadangan sama ada untuk mengubahsuai atau mempertingkatkan lagi Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni.

Dapatan yang diperolhi berdasarkan temubual berkenaan pandangan guru mengenai adakah Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni banyak membantu mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan keadaan peranannya, sampel 1 dan sampel 2 menyatakan mereka bersetuju bahawa Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni banyak membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kedua-dua sampel menjelaskan bahawa perkara yang paling perlu untuk dirujuk ialah tajuk pelajaran. Di sinilah peranan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar itu dirasakan sangat penting. Manakala menurut kedua sampel ini, perkara-perkara lain tidaklah perlu sangat dirujuk kerana guru sudah mahir dengan bidangnya.

Sampel 3 pula menyatakan bahawa dia juga bersetuju Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar banyak membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Dokumen ini dapat dijadikan rujukan dalam konteks huraian topik pelajaran, perkembangan proses penghasilan karya, kaedah-kaedah pengajaran, nilai yang perlu diterapkan serta media dan alatan yang akan digunakan. Sampel 4 pula menyatakan sememangnya Dokumen

Rancangan Persediaan Mengajar membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran tetapi hanya merujuk kepada untuk memudahkan urusan penyeliaan atau pemantauan yang dilakukan terutamanya oleh pentadbir sekolah dan jemaah nazir sekolah. Manakala sebaliknya bagi sampel 5 dan sampel 6, mereka menyatakan bahawa Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni ini tidak dapat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana sememangnya dokumen ini tidak pernah dirujuk pun.

Petikan kenyataan daripada sampel 3 sebagai jawapan kepada soalan temubual tersebut berbunyi "Ya, memang Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar ini banyak membantu saya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dokumen ini menjadi panduan kepada saya untuk merujuk berkenaan topik pelajaran, kemudian bagaimana kaedah yang nak digunakan, kemahiran apa yang nak saya asah, nilai apa yang harus ditcrapkan, bagaimana perkembangan proses penghasilan sesuatu karya berjalan dan apakah media dan peralatan yang harus disediakan." Petikan kenyataan daripada sampel 4 sebagai jawapan kepada soalan temubual tersebut pula berbunyi "Memang betul Dokumen Rancangan Persediaan mengajar membantu saya. Tapi saya rasa dokumen ini betul-betul bermakna apabila pentadbir sekolah dan jemaah nazir sekolah ingin menyelia atau memantau. Masa itulah dokumen ini pun dijadikan rujukan utama dan biasanya bagi sesiapa yang dah mengetahui dahulu bahawa dia akan diselia, tentulah catatan dalam dokumen ini begitu kemas sekali."

Analisis data menunjukkan bahawa lima sampel merasakan bahawa Dokumen Rancangan Persediaan mengajar Pendidikan Seni banyak membantu mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat tiga peranan yang dinyatakan dalam kepentingan tersebut. Dokumen ini menjadi penting dari segi panduan tentang tajuk yang dirasakan sangat perlu, penghuraian topik, menitikberatkan tentang proses penghasilan, kaedah pengajaran dan pembelajaran, nilai yang ingin diterapkan serta media dan peralatan yang digunakan. Kepentingan dokumen ini juga dikaitkan dengan keperluan ketika Jemaah Nazir Sekolah datang menyelia dan memantau.

Merujuk kepada soalan temubual yang meminta pendapat dan komen guru mengenai adakah perlu penulisan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni diteruskan sebagai suatu kewajiban bagi semua guru diterus, sampel 1 menyatakan bahawa penulisan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar mesti diteruskan sebagai satu kewajiban kepada semua guru. Sampel 1 berhujah bahawa melalui penulisan dokumen ini, ia sebagai suatu tanda kerja dan ia juga menunjukkan satu cara kerja yang profesional. Sampel 3 pula menyatakan persetujuan tentang penulisan dan kewajibannya untuk guru. Sebagai alasannya sampel 3 menyatakan bahawa dengan cara tersebut ia dapat memberikan manfaat kepada guru-guru yang bukan pengkhususan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni. Dalam konteks ini pendedahan dan panduan dapat diperolehi dan dijadikan rujukan sebelum memulakan sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran. Sampel 4 juga bersetuju Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar diteruskan sebagai suatu kewajiban. Namun bagi sampel 4, dia menyarankan supaya dokumen ini

dipermudahkan mengikut keperluan guru dan murid seperti hanya mencatatkan Rancangan Persediaan Mengajar Tahunan sahaja.

Keadaan tersebut berbeza dengan pendapat sampel 2, sampel 5 dan sampel 6. Ketiga-tiganya menyatakan bahawa catatan Rancangan Persediaan Mengajar Harian tidak perlu diteruskan. Pandangan ketiga-tiga sampel ini merujuk kepada penulisan Rancangan Persediaan Mengajar Harian sahaja bukan untuk keseluruhan dokumen berkenaan. Sampel 2 berhujah bahawa Rancangan Persediaan Mengajar Penggalan sudah memadai untuk rujukan guru. Sampel 5 pula menyatakan alasan bahawa kadang kala sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan bergantung kepada suasana semasa ketika itu. Sedangkan kadang kala sesuatu yang dirancang awak tersebut tidak relevan lagi pada masa pelaksanaannya. Manakala sampel 6 pula berpendapat bahawa sepatutnya Kementerian Pendidikan Malaysia mengeluarkan sebuah Buku Persediaan Mengajar yang telah diformatkan mengikut mata pelajaran dan guru hanya mengikutnya berdasarkan yang bersesuaian.

Petikan jawapan daripada sampel 1 sebagai respon kepada soalan temubual ini berbunyi “ Pada pendapat saya penulisan Dokumen Persediaan Rancangan Mengajar ini mesti diteruskan dan diwajibkan bagi setiap guru. Saya rasa catatan ini lebih bersifat sebagai dokumen kerja. Ia juga akan memperlihatkan kerja itu mempunyai jadual dan perancangan yang teliti dan secara tidak langsung ia muncul sebagai suatu tanda kerja yang profesional.” Petikan jawapan daripada sampel 6 pula berbunyi “ Saya rasa dokumen Rancangan Persediaan Mengajar tu memang patut diteruskan tetapi yang

Rancangan Persediaan Mengajar Harian tu baik dihapuskan saja. Untuk menyencangkan dan meringankan beban tugas guru yang sememangnya makin berat sekarang ni, saya rasa Kementerian Pendidikan Malaysia boleh mengeluarkan Buku Persediaan Mengajar yang telah dipecahkan kepada harian dan mengikut tempoh waktu kelas yang standard. Buku ini boleh dikeluarkan mengikut mata pelajaran dan guru nanti hanya mengikut sahaja yang telah dirancang dengan memilih yang bersesuaian dengan pelajar dan iklim sekolah mereka. Kita tak perlulah nak catatkan semula, memadai dengan menulis nombor rujukannya. Itu pun kalau nak menulis juga, tak pun tik atau tanda sahaja.”

Merujuk kepada respon daripada sampel kajian, analisis data menunjukkan bahawa tiga sampel memberikan pendapat bahawa Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni mesti diteruskan sebagai suatu kewajiban untuk guru menulisnya. Alasan-alasan yang diberikan adalah dokumen ini bertindak sebagai dokumen kerja dan menjadi suatu tanda kerja yang profesional, dokumen juga bertindak sebagai pendedahan dan panduan kerana tidak semua guru yang mengajar Pendidikan Seni berpengkhususan dalam bidang Pendidikan Seni. Seorang sampel menyatakan bahawa walaupun mesti diteruskan namun perlu dipermudahkan penulisannya. Manakala tiga lagi sampel merasakan penulisan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni tidak perlu diteruskan sebagai suatu kewajiban untuk setiap guru. Mereka memberikan alasan bahawa untuk catatan harian tidak perlu kerana rancangan persediaan mengajar secara tahunan sudah memadai, kadang-kala pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada suasana semasa ketika itu sahaja. Dinyatakan juga

bahawa Kementerian Pendidikan sepatutnya mengeluarkan Buku Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar yang telah diformatkan dan guru hanya mengikutnya sahaja.

Hasilan yang diperolehi berdasarkan temubual yang mencungkil pandangan guru sama ada untuk mengubahsuai atau mempertingkatkan lagi Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Pendidikan Seni, sampel 1 dan sampel 6 mencadangkan bahawa Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Harian Pendidikan Seni ditulis dengan mencatatkan tajuk pelajaran sahaja. Manakala yang lainnya menurut kedua sampel ini telah pun dicetak dalam Buku Panduan Guru keluaran Kementerian Pendidikan dan guru-guru boleh terus merujuknya semasa ingin memulakan sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran. Sampel 2 dan sampel 4 pula berpendapat dan mengesyorkan agar suatu Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar Tahunan dilengkapi dengan untuk hariannya sekali. Apabila menyediakan Rancangan Persediaan Mengajar bagi harian, guru-guru hanya perlu mencatatkan nombor rujukannya sahaja yang dihubungkan kepada Rancangan Tahunan tadi. Sampel 3 pula memberikan cadangan supaya Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar ini dicragaikan di seluruh negara dalam segala aspek penulisannya. Manakala sampel 6 pula, tidak mengemukakan apa-apa cadangan.

Petikan jawapan daripada sampel 2 sebagai respon kepada soalan temubual berkenaan berbunyi "Cadangan saya ini adalah sebagai satu cara untuk memudahkan kerja guru. Bagi Rancangan Pelajaran Tahunan, saya rasa ini boleh diditilkan sehingga merangkumi persediaan mengajar yang dipecanakan kepada harian. Ia boleh diterbitkan dalam bentuk buku dan menjadi rujukan wajib bagi guru. Jadi semasa menulis

Rancangan pelajaran harian guru hanya perlu mencatat nombor rujukannya sahaja. Ini tidak lagi membebankan guru.” Manakala petikan jawapan daripada sampel 6 sungguh mudah iaitu berbunyi “No Koucu”.

Analisis data menunjukkan bahawa majoriti sampel memberikan cadangan yang agar penulisan Dokumen Rancangan Persediaan Mengajar dipermudahkan dan diringkaskan catatannya. Sebagai buktinya dua sampel mencadangkan hanya perlu menulis tajuk pelajaran manakala dua sampel lagi mencadangkan hanya perlu menulis nombor rujukannya sahaja.